

11/11/2003

Bajet Melaka berimbang

Daud Awang

MELAKA: Jentera pentadbiran negeri perlu dipertingkatkan untuk memastikan pembangunan negeri dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan pada masa depan, kata Yang di-Pertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabudin.

Katanya, ini dapat dilaksanakan melalui urus tadbir lebih mantap terutama dalam sistem penyampaian yang cekap melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Setakat ini saya berpuas hati dengan usaha bagi membangunkan produk baru pelancongan dan industri seperti penubuhan pusat inkubator K-ekonomi, bio-teknologi dan bahagian teknologi pembuatan.

"Di samping itu, kerjasama yang lebih erat dengan sektor swasta, penyediaan kemudahan infrastruktur yang lengkap seperti pembesaran Lapangan Terbang Batu Berendam, pembinaan Kompleks Kastam, Kuarantin dan Imigresen (CIQ) baru dan projek pertanian moden akan menjadi Melaka lebih membangun," katanya.

Beliau berkata ketika merasmikan persidangan ketiga (bajet) penggal kelima Dewan Undangan Negeri di sini, semalam. Persidangan selama empat hari akan berakhir Khamis ini.

Kerajaan negeri menyediakan Bajet Berimbang melebihi RM200 juta bagi tahun 2004.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata kerajaan negeri akan terus mengekalkan bajet berimbang tahun depan.

Beliau berkata, pelaksanaan bajet itu ternyata memberi kesan positif kepada kerajaan negeri kerana ia dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi serta mengurangkan kadar pengangguran kepada 3.7 peratus berbanding 5.7 peratus pada tahun sebelumnya.

Selain itu, katanya, usul terima kasih kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan penghargaan di atas perlantikan Perdana Menteri baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut dibentangkan pada hari terakhir persidangan.

"Usul ini sebagai menghargai sumbangan Dr Mahathir kepada Melaka dan sebagai tanda sokongan padu rakyat Melaka terhadap kepemimpinan Abdullah menerajui pemerintahan negara," katanya.